

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Bazar Amal Karya 1 Malaysia di Amcorp Mall
09 Aug 2009
Berita Minggu
Bintang Popular
N/A
Daily
2,574

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
3
168 cm²
One Spot Color
7,721



Bazar Amal Karya 1 Malaysia di Amcorp Mall

BAGAIKAN menjadi 'trend' semasa, ramai artis 'turun padang' menjayakan pelbagai aktiviti kebajikan, termasuk jualan amal anjuran pihak tertentu, khususnya media. Kak Pora memang puji sikap artis terbabit kerana sudi meluangkan masa untuk aktiviti sebegitu walaupun mereka tidak dibayar.

Kak Pora masih ingat lagi betapa meriahnya suasana ketika berlangsungnya Karnival Amal Anugerah



Dayang Nurfaizah

Bintang Popular Berita Harian 2008 (ABPBH2008) di Amcorp Mall, Petaling Jaya anjuran Kumpulan New Straits Times Press (M) Berhad awal tahun ini.

Sempat Kak Pora memborong beberapa barangan peribadi milik artis pujaan Kak Pora, siapa lagi kalau bukan Kak Nita (Anita Sarawak). Kemudian, Kak Pora sekali lagi membeli-belah dalam Lelongan Amal Suria FM yang dianjurkan di sebuah pusat beli-belah terkenal di ibu negara.

Bagi Kak Pora, acara sebegini sememangnya menarik kerana ia bukan saja menjadi platform untuk menggalakkan orang ramai beramal, malah turut mengeratkan hubungan di antara artis terbabit dan peminat masing-masing.

Terbaru, Kak Pora diberitahu akan diadakan Bazar Amal Karya 1 Malaysia, juga di lokasi sama Karnival Amal ABPBH2008 berlangsung dulu, pada 16 Ogos ini, bermula jam 12 tengah hari hingga 6 petang bagi membantu mengu-



Aizat

tip dana untuk tabung kebajikan kanak-kanak HIV/Aids.

Mendapat sokongan Yayasan Aids Malaysia dan Suria FM, Kak Pora diberitahu bazar itu turut mencipta sejarah sebagai acara amal terbesar pernah dianjurkan di negara ini, selain menyaksikan kehadiran lebih 30 artis terkenal.

Selain Dayang Nurfaizah Awang Dowty, Bazar Amal Karya 1 Malaysia akan turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa bintang terkenal ciptaan Akademi

Fantasia (AF) termasuk Aizat, Faizal, Stacy dan Dafi yang dijangka melong barangan peribadi masing-masing dalam acara itu.

Kak Pora diberitahu penganjur turut menjemput beberapa artis bukan Melayu seperti Angeline Wong, Andrew Tan dan Siva Kumar bagi memastikan konsep penganjurannya menepati semangat 1 Malaysia yang dilauung-laungkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Apapun, tinggal seminggu saja lagi bazar itu dijadualkan berlangsung. Kak Pora diberitahu penganjur masih lagi membuka ruang kepada lebih ramai artis untuk menjayakan acara itu. Bagi mereka yang berminat, sila hubungi 03-7955 2967 atau 012-315 2185.

KAK PORA: Benarkah kononnya seorang artis popular alih-alih ubah fikiran walaupun awalnya sudah bersetuju menyerahkan sebahagian hasil jualan amal untuk seorang artis yang memerlukan? Tak bialk tau!